

22 JAN 2002

Sukan-Kart

LEBIH 40 WARTAWAN ASING BUAT LIPUTAN KEJOHANAN KART

LANGKAWI 22 Jan (Bernama) -- Empat puluh lima wartawan asing dari pelbagai media dan majalah sukan antarabangsa akan membuat liputan pada Kejohanan Kart Rotax Max grand final di litar kart Morac di sini mulai 25 hingga 27 Jan.

Ketua pegawai operasi kumpulan Mofaz, Ahmad Tifli Talha hari ini berkata liputan meluas media dari Itali, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Jerman akan memberi publisiti kepada negara ini terutama Langkawi.

Kejohanan berprestij anjuran Mofaz Motorsport, Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan Langkawi Motorsport Club (LMC) itu akan menyaksikan 78 pelumba dari 31 negara bersaing dalam pusingan kelayakan bagi memilih 40 pelumba beraksi pada grand final.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melepaskan para pelumba pada kejohanan itu.

Ini kali pertama Malaysia dipilih menganjurkan Kejohanan Kart Rotax Max peringkat akhir.

Kejohanan itu akan disiarkan secara langsung oleh TV3 pada 27 Jan mulai pukul 1.50 tengah hari, katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengurus Besar Lada Mansor Haji Ismail menyarankan semua pemilik premis di pulau peranginan ini memasang lampu untuk menjadikan suasana malam lebih menarik sempena Kejohanan Kart Rotax Max dan Kejohanan Ironman 2002.

"Mereka perlu memberi sokongan untuk menjayakan aktiviti yang diadakan di sini", katanya.

Kejohanan peringkat antarabangsa itu dijangka meningkatkan kehadiran pelawat ke pulau peranginan ini sesuai dengan sasaran Lada untuk menjadikan 2002 sebagai "Tahun Pelancongan Sukan" bagi menyemarakkan aktiviti sukan di sini.

-- BERNAMA

ZI NH RON